

# AHB umum agihan interim 2.35 sen seunit



[Alzahrin Alias](#) - April 7, 2021 @ 12:10pm  
[zahrin@bh.com.my](mailto:zahrin@bh.com.my)



## Dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB)

KUALA LUMPUR: Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) mengumumkan agihan pendapatan interim 2.35 sen seunit bagi dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk tempoh enam bulan berakhir pada 31 Mac 2021.

Ia membabitkan 500,000 unit pertama yang dipegang oleh setiap pemegang unit dana anak syarikat Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM) itu.

Dalam satu kenyataan, PHB yang juga yang juga penaja dana AHB berkata, jumlah itu terhasil daripada pengagihan pendapatan asas sebanyak 2.15 sen seunit dan pengagihan bonus berjumlah 0.20 sen seunit.

PHB berkata, agihan pendapatan ini dikecualikan daripada cukai yang sudah dizakatkan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang unit pada 15 April ini.

### DISYORKAN UNTUK ANDA

- [PM lancar 500 juta unit tambahan AHB, mahu Bumiputera miliki hartanah komersial](#)
- ['Simpan, Labur dan Menang' sasar tingkat pelaburan AHB](#)
- [Dana AHB ditambah 1.5 bilion unit](#)
- [PHB sasar tambah saiz dana AHB](#)

Sementara itu, Pengarah Urusan PHB, Datuk Mahmud Fauzi Muda, berkata pasaran adalah sangat mencabar dalam tempoh setahun terakhir ini disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Beliau berkata, pada 2020, PHB memperuntukkan sejumlah besar dana untuk 'Rent Relief Program' (RRP) bagi memberikan bantuan kepada

### TERKINI

### PILIHAN PEMBACA

- 9m [Kedah beri ganjaran RM25,000 kepada Zii Jia](#)
- 10m [Lelaki ditahan buat laporan palsu hilang MyKad](#)
- 16m [132,118 dapat pekerjaan sehingga 26 Mac](#)
- 18m [Terengganu benar solat Tarawih di masjid, surau](#)
- 20m [Selangor mungkin wajibkan peniaga kecil guna e-wallet](#)
- 24m [Tekad tidak sia-siakan kepercayaan](#)
- 24m [Langkah pemulihan beri harapan kepada peniaga kecil](#)
- 33m [Pasukan penyiasat ditubuh siasat kebocoran gas ammonia](#)

### VAKSIN



**NASIONAL** 26 minit yang lepas  
[Langkah pemulihan beri harapan kepada peniaga kecil](#)



**NASIONAL** 5 jam yang lepas  
[862,445 individu terima vaksin COVID-19](#)



**ASIA** Apr 6, 2021 @ 7:52am  
[Hanya jemaah disuntik vaksin dibenarkan tunai umrah](#)



**NASIONAL** Apr 5, 2021 @ 1:38pm  
[8 negeri, wilayah mulakan fasa kedua imunisasi](#)



**NASIONAL** Apr 5, 2021 @ 1:20pm  
[Lebih 800,000 individu sudah terima dua dos vaksin](#)



**NASIONAL** Apr 4, 2021 @ 8:07pm  
[KKM jalin kerjasama pelbagai pihak bantu penduduk luar bandar daftar program imunisasi](#)

### TRENDING



**NASIONAL** 2 jam yang lepas  
[Putus cinta, lelaki meluru naik pelamin](#)



**LAIN-LAIN (BISNES)** 6 jam yang lepas

... dan membolehkan program (RM) bagi membekalkan bantuan kepada penyewa yang terjejas.

PHB juga, katanya, memberikan peruntukan tambahan untuk RRP pada 2021.

"Disebabkan sumber daya yang terhad, bantuan penyewaan diberikan untuk membantu penyewa runcit yang terjejas di pusat membeli belah dan juga di bangunan lain milik kumpulan.

"Walaupun terdapat gangguan ekonomi, kumpulan setakat ini berjaya menggantikan sebahagian besar penyewa yang hilang dengan penyewa baru," katanya.

Mahmud berkata, PHB secara aktif akan terus berusaha bagi memperoleh aset baharu terpilih, terutama dalam sektor industri dan penjagaan kesihatan.

Beliau berkata, kumpulan juga dalam landasan yang tepat dengan merekodkan kemajuan dalam pembangunan beberapa projek hartanah.

Katanya, pembangunan sebuah hospital swasta baharu dengan kapasiti 300 katil bernilai RM340 juta di Kuala Lumpur sudah selesai pada September lalu.

Selain itu, katanya, PHB baru-baru ini menandatangani perjanjian untuk membangunkan sebuah gudang berkeluasan dua juta kaki persegi di Shah Alam dengan kos sekitar RM500 juta.

"Gudang baharu ini akan disewakan sepenuhnya kepada syarikat logistik antarabangsa. Kami juga secara aktif dalam proses rundingan pembangunan hospital swasta baru di Selangor dan juga di Pantai Timur.

"Aset hartanah baharu kumpulan akan menyokong pengenalan bahagian baharu unit AHB dalam tempoh terdekat," katanya.



**Pengasas Hong Leong kini bilionair terkaya Malaysia**

**ASIA** 6 jam yang lepas

**Bakal menantu sebenarnya anak kandung**



**LAIN-LAIN (SUKAN)** Apr 6, 2021 @ 4:26pm

**Jijoe, Shah Firdaus santuni 'bapa'**



**NASIONAL** Apr 6, 2021 @ 11:38am

**SPRM beku akaun RM100 juta, sita dua helikopter**



## MYRESIPI



**INFOMASI** Apr 6, 2021 @ 5:39pm

**Resepi Cucur Labu & #8216;Gluten Free&#8217;, Kuih Manis Ala-Ala Kaum Cina**



**INFOMASI** Apr 6, 2021 @ 5:37pm

**Jemu Makan Ikan Siakap 3 Rasa? Jom Cuba Siakap Grill Garlic Butter, Anak Mesti Suka!**



**INFOMASI** Apr 6, 2021 @ 11:34am

**Jom Cuba 8 Resepi Kuih Raya Menggunakan Coklat Cadbury, Mudah Disediakan dan Sedap!**



**INFOMASI** Apr 5, 2021 @ 3:36pm

**Resepi Pai Pisang Menggunakan Roti, Rendah Kalori & Sihat**



**INFOMASI** Apr 5, 2021 @ 3:35pm

**Hanya Guna 6 Bahan Je, Ini Resepi Burung Puyuh Goreng Kerisik Yang Menyelerakan**

## BERITA BERKAITAN



**LAIN-LAIN (BISNES)** Apr 7, 2020 @ 1:41pm  
**Agihan pendapatan interim AHB 2.60 sen seunit**

**KORPORAT** Apr 4, 2019 @ 5:18pm  
**Agihan pendapatan interim AHB 2.75 sen seunit**



**KORPORAT** Jul 11, 2019 @ 1:24pm  
**Permintaan unit AHB kekal menggalakkan**



**KORPORAT** Ogs 15, 2018 @ 3:28pm  
**PHB bangunkan hartanah RM1.5 bilion**